

APLIKASI BAHAN BANTU MENGAJAR RASULULLAH S.A.W. DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN IBADAH KHUSUSIAH DARI PERSPEKTIF MUHAMMAD FU'AD ABDUL BAQI DALAM KITAB AL-LU'LU' WAL MARJAN (APPLICATION OF TEACHING AIDS OF PROPHET PEACE UPON HIM ON TEACHING AND LEARNING WORSHIP FROM THE PERSPECTIVE OF MUHAMMAD FU'AD ABDUL BAQI IN SCRIPTURE LU'LU 'WAL MARJAN)

Mohd Faez Ilias
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Ilias, M. F. & Jasmi, K. A. (2012). Aplikasi Bahan Bantu Mengajar Rasulullah S.A.W. dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ibadah Khususiah dari Perspektif Muhammad Fu'ad Abdul Baqi dalam Kitab Al-Lu'lu' Wal Marjan (Application of teaching aids of Prophet Peace Upon Him on Teaching and Learning Worship from the perspective of Muhammad Fu'ad Abdul Baqi in Scripture Lu'lu 'Wal Marjan) in *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])* at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 99-113. ISBN 99917-44-89-4.

Abstrak

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran memberikan kesan yang positif sepanjang pengajaran guru. BBM juga mampu untuk menarik minat serta menggalakkan pelajar memberi penumpuan sepenuhnya terhadap topik pengajaran guru ketika berlakunya proses P&P. Bagi guru-guru Pendidikan Islam khususnya, pendidikan Rasulullah s.a.w. mestilah dijadikan contoh kerana baginda adalah sebaik-baik role model dalam segala aspek kehidupan. Tujuan dijadikan baginda s.a.w. sebagai model dalam pengajaran adalah untuk melahirkan roh islamiyyah terhadap guru-guru Pendidikan Islam dalam mendidik pelajar khususnya pelajar muslim. Gambaran pendidikan Rasulullah s.a.w. ini dilihat menerusi hadis-hadis sabdaan baginda yang dinukilkan oleh dua perawi hadis yang masyhur iaitu Imam Bukhari dan Imam Muslim. Maka kertas kerja ini ingin melihat BBM yang diaplikasikan oleh Rasulullah s.a.w. berdasarkan perspektif pengarang kitab al-Lu'Lu' wa al-Marjan, iaitu Muhammad Fuad Abdul Baqi dan dibataskan oleh pengkaji hanya kepada hadis-hadis yang berkaitan dengan ibadah khususiah.

Abstract

Use of teaching aids in teaching and learning have a positive impact throughout the lesson. Teaching aids are also able to attract and encourage students to concentrate fully on the topic of the teacher during a learning process. For teachers of Islamic Education in particular, Prophet p.b.u.h education be used as an example because he is the best role model in all aspects of life. Purpose made him p.b.u.h as a model of teaching is to inculcate the spirit Islamic Education teachers in educating students, especially Muslim students. Overview Prophet p.b.u.h education is seen through his hadiths that asserted by two famous narrators of Imam Bukhari and Imam Muslim. Thus this paper would like to see BBM applied by the Prophet p.b.u.h from the perspective author of the book al-Lu'Lu' wa al-Marjan, namely Muhammad Fuad Abdul Baqi and restricted by the researcher only to the hadiths related to worship pillar.

APLIKASI BAHAN BANTU MENGAJAR RASULULLAH S.A.W. DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN IBADAH KHUSUSIAH DARI PERSPEKTIF MUHAMMAD FU'AD ABDUL BAQI DALAM KITAB AL-LU'LU' WAL MARJAN

Mohd Faez Ilias
Kamarul Azmi Jasmi

Abstrak

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran memberikan kesan yang positif sepanjang pengajaran guru. BBM juga mampu untuk menarik minat serta menggalakkan pelajar memberi penumpuan sepenuhnya terhadap topik pengajaran guru ketika berlakunya proses P&P. Bagi guru-guru Pendidikan Islam khususnya, pendidikan Rasulullah s.a.w. mestilah dijadikan contoh kerana baginda adalah sebaik-baik *role model* dalam segala aspek kehidupan. Tujuan dijadikan baginda s.a.w. sebagai model dalam pengajaran adalah untuk melahirkan roh islamiyyah terhadap guru-guru Pendidikan Islam dalam mendidik pelajar khususnya pelajar muslim. Gambaran pendidikan Rasulullah s.a.w. ini dilihat menerusi hadis-hadis sabdaan baginda yang dinukilkan oleh dua perawi hadis yang masyhur iaitu Imam Bukhari dan Imam Muslim. Maka kertas kerja ini ingin melihat BBM yang diaplikasikan oleh Rasulullah s.a.w. berdasarkan perspektif pengarang kitab Al-Lu'Lu' wal Marjan, iaitu Muhammad Fuad Abdul Baqi dan dibataskan oleh pengkaji hanya kepada hadis-hadis yang berkaitan dengan ibadah khususiah.

Kata kunci: Kitab Al-Lu'Lu' wa Al-Marjan, Muhammad Fuad Abdul Baqi, Bahan Bantu Mengajar Rasulullah s.a.w., Guru Pendidikan Islam.

PENGENALAN

Menurut Shahabuddin (et al., 2007) bahawa kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) perlulah dikuasai oleh guru-guru bertujuan menjadikan proses Pengajaran dan Pembelajaran lebih menarik, positif, dan bersesuaian dengan masa dan persekitaran. Dalam masa yang sama, peranan BBM dapat membantu guru-guru dalam usaha memberikan kefahaman kepada pelajar. Hal ini kerana dengan kehadiran BBM, guru-guru hanya memerlukan penglibatan sebanyak 25 peratus semasa P&P dan bertindak sebagai perangsang dan fasilitator. Kesan daripada penglibatan tersebut menjadikan sifat P&P mengalami perubahan daripada berpusatkan guru kepada P&P berpusatkan pelajar. Keadaan ini merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh guru-guru khususnya para *asatizah* kerana mereka lebih memahami tanggungjawab dan amanah yang diberikan kepada mereka selaku seorang pendidik.

Dalam kertas kerja ini pengkaji cuba untuk menjelmakan BBM yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. merujuk kepada hadis yang disepakati oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim yang dihimpunkan menurut teori dan perspektif Muhammad Fuad Abdul Baqi. Perbincangan turut terarah kepada aspek ibadah khususiah yang terkandung di dalamnya bab ibadah di bawah topik solat, puasa, dan zakat.

KITAB AL-LU'LU' WAL MARJAN

Karya ini merupakan kitab hadis yang dihimpunkan di dalamnya hadis-hadis yang disepakati oleh kedua-dua perawi hadis yang masyhur iaitu Imam Bukhari dan Imam Muslim. Pada sub topik ini, pengkaji ingin menjelaskan aspek yang berkaitan dengan kitab yang akan digunakan iaitu sejarah kehidupan penulis, konsep karya dan penulisan,

Sejarah Kehidupan Penulis

Penulisan serta penghasilan karya ini adalah hasil usaha seorang ilmuan terkenal iaitu Muhammad Fu'ad Abdul Baqi. Beliau lahir pada bulan Mac 1882M bersamaan tahun 1299H. Kehidupan beliau sebagai seorang tenaga pengajar adalah kesan daripada waktu kecilnya yang dihabiskan hanya menuntut ilmu agama. Buktinya dengan pengembaraan beliau bersama keluarganya ke Sudan untuk menuntut ilmu di sana selama lima tahun. Setelah mencecah usia dewasa, beliau berkhidmat di sekitar kota Kaherah untuk mendidik anak-anak di sekolah.

Pengalaman kerjaya beliau juga amat luas dan bukan terhad kepada tenaga pengajar sahaja. Beliau juga pernah menjadi seorang penterjemah daripada bahasa Perancis kepada Bahasa Arab untuk memudahkan pemahaman. Tahun demi tahun berlalu, beliau mengambil keputusan untuk berhenti sebagai seorang pendidik dan mencuba dan bertekad untuk menceburkan diri dalam penulisan. Kesungguhan beliau untuk mencapai cita-citanya sebagai seorang penulis terbukti dengan penghasilan karya terbesar dan masyhur seperti kitab *Miftah Kunuz al-Sunnah*, *Mu'jam al-Mufahras li Alfazh al-Quran*, *Mu'jam Gharib al-Quran*, Indeks kitab *Muwatta' Imam Malik*, Indeks kitab *Sunan Ibn Majah* dan Indeks kitab *Sahih Muslim*.

Hakikatnya karya Muhammad Fu'ad Abdul Baqi sememangnya memberikan kemudahan kepada pengguna khususnya terhadap rujukan-rujukan buku hadis yang sememangnya pencariannya amat sukar jika tidak dilakukan dengan penelitian secara terperinci.

Konsep Karya dan Penulisan

Umum mengetahui bahawa kebanyakan hadis-hadis shahih adalah hasil riwayat oleh dua ulama' hadis terkemuka iaitu Imam Bukhari dan Imam Muslim. Merujuk kepada kitab hadis Sahih Bukhari, terdapat sebanyak 7008 buah hadis yang telah diriwayatkan olehnya. Hadis tersebut kemudiannya dibahagikan di bawah 77 bab yang utama. Manakala kitab Sahih Muslim pula terkandung di dalamnya sebanyak 5362 buah hadis-hadis daripada Rasulullah s.a.w. dan dipecahkan kepada 55 bab yang membincangkan pelbagai aspek. Sejumlah hadis yang telah dibahagikan kepada beberapa bab-bab itu dapatlah dilihat seperti pada Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 Senarai Bab/Kitab Dalam Kitab Hadis Sahih Bukhari Dan Sahih Muslim

SENARAI BAB HADIS			
Sahih Bukhari		Sahih Muslim	
1. Permulaan Wahyu	2. Iman	1. Iman	2. Thaharah
3. Ilmu	4. Wudhu'	3. Haid	4. Solat
5. Mandi	6. Haid	5. Masjid dan tempat-tempat solat	6. Solat musafir dan penjelasan tentang qasar
7. Tasyamum	8. Solat	7. Jumaat	8. Solat dua hari raya
9. Waktu-waktu solat	10. Anan	9. Solat Istisqa'	10. Solat Khusuf (gerhana)
11. Jumaat	12. Jenazah	11. Jenazah	12. Puasa
13. Zakat	14. Haji	13. Zakat	14. Haji
15. Puasa	16. Solat Tarawih	15. Iktikaf	16. Nikah
17. I'tikaf	18. Jual beli	17. Menyusui	18. Talak
19. Jual beli as-Salam	20. Asy-Syuf'ah	19. Li'an	20. Memerdekakan hamba
21. Al-Ijarah (sewa menyewa)	22. Al-Hawalah (pengalihan hutang)	21. Jual beli	22. Pengairan

23. Al-Wakalah (perwakilan)	24. Al-Muzara'ah (pertanian)	23. Waris	24. Hibah
25. Al-Muzaqah (mengairi tanaman)	26. Mencari Pinjaman Dan Melunaskan Hutang	25. Wasiat	26. Nadzar
27. Persengketaan	28. Barang temuan	27. Sumpah	28. Qusamah, pemberontak, qishah dan diyat
29. Perbuatan-Perbuatan Zalim Dan Merompak	30. Ayy-Syirkah (perserikatan usaha)	29. Hudud	30. Peradilan
31. Gadaai	32. Membebaskan Hamba	31. Barang temuan	32. Jihad
33. Hibah, Keutamaannya Dan Anjuran Melakukannya	34. Kesakian	33. Kepemimpinan	34. Buruan, sembelihan, dan haiwan-haiwan yang dimakan
35. Perdamaian	36. Syarat-syarat	35. Haiwan korban	36. Minuman
36. Wasiat	37. Jihad dan Penjelajahan	37. Paksaan dan perhissan	38. Adab
39. Bahagian seperlima	40. Jiryah	39. Salam	40. Lafaz termasuk dari adab dan yang lainnya
41. Permulaan Penciptaan Makhluk	42. Hadith-Hadith Yang Meriwayatkan Tentang Para Nabi	41. Syair	42. Mimpi
43. Perilaku Budi Pekerti Yang Terpuji	44. Peperangan	43. Keutamaan	44. Keutamaan sahabat
45. Tafsir Al Qur'an	46. Keutamaan Al Qur'an	45. Berbuat baik, menyambut silaturahmi dan adab	46. Takdir
47. Nikah	48. Talaq	47. Ilmu	48. Dzikir, doa, taubat dan istighfar
49. Nafkah	50. Makanan	49. Taubat	50. Sifat munafik dan hukumnya
51. Aqiqah	52. Penyembelihan dan Perburuan	51. Sifat hari kiamat, syurga dan neraka	52. Syurga; sifat dan penghuninya
53. Korban	54. Minuman	53. Fitnah dan tanda kiamat	54. Zuhud dan kelembutan hati
55. Sakit	56. Perubatan	55. Tafsir	
57. Paksaan	58. Adab		
59. Meminta Izin	60. Do'a		
61. Hal-Hal Yang Melunaskan Hati	62. Qadar		
63. Sumpah dan Nazar	64. Kafarat Sumpah		
65. Farsaid	66. Hukum Hudud		
67. Diyat	68. Meminta Taubat Orang-Orang Murtad Dan Para Pembangkang Serta Memerangi Mereka		
69. Keterpaksaan	70. Siasat Mengelak		
71. Ta'bir	72. Fitnah		
73. Hukum-hukum	74. Mengharap / Mengandai-		

Daripada keseluruhan hadis dan bab tersebut dianalisis oleh pengarang bertujuan untuk melihat persamaan hadis yang terdapat pada kedua-dua kitab tersebut. Aspek ini merupakan konsep yang cuba diketengahkan oleh pengarang dan kitab ini dianggap telah menghimpunkan hadis-hadis yang sangat kuat kerana disepakati oleh kedua-dua perawi masyhur tersebut. Melihat kepada manfaatnya untuk penggunaan umat Islam, pengarang membukukan hadis yang disepakati oleh Imam Bukhari dan Muslim atas tujuan memudahkan pencarian hadis beserta daftar nombor hadisnya yang terdapat pada kedua-dua kitab asalnya. Di dalam kitab ini, terdapat 54 bab yang merangkumi sebanyak 1906 buah hadis yang disepakati. Senarai bab dalam kitab Al-Lu'Lu' wal Marjan itu dapat dilihat seperti pada Jadual 2 di bawah.

Jadual 2 Senarai Bab/Kitab Dalam Kitab Hadis Al-Lu'Lu' wal Marjan

SENARAI BAB HADIS	
Kitab Al-Lu'Lu' wal Marjan	
1. Iman	28. Al-aiman (Sumpah)
2. Thaharah	29. Taqsim
3. Haid	30. Al-Hudud (Hukum atas kejahatan)
4. Solat	31. Al-'aqdiyyah
5. Masjid	32. Al-luqthah (Barang Temuan di Jalan)
6. ketentuan Solat	33. Jihad
7. Solat para Musafir & qasarnya	34. Al-Imarah (Pemerintahan)
8. Jumaat	35. Qorban.
9. Solat dua hari Raya	36. Al-Udhiyyah (Berkorban)
10. Solat Istisqa	37. Al-Asrabah (Minuman)
11. Solat Khusus	38. Pakaian & Perhiasan
12. Jenazah	39. Adab (Tata Tertib)
13. Zakat	40. As-salam
14. Puasa	41. Tuntunan penggunaan kata-kata sopan
15. I'tikaf	42. Sya'ir (Sajak)
16. Haji	43. Mimpi
17. Nikah	44. Al-fadhail
18. Menyusui	45. adab sopan santun & silahturahmi
19. Talak	46. Qadar
20. Li'an	47. Ilmu
21. Pembebasan Budak (al-'atik)	48. Zikir, Doa, Taubat & Istigfar
22. Jual beli	49. Taubat
23. Musaqaf (Persewaan Tanah)	50. Sifat-sifat munafik
24. Faraid (Warisan)	51. Syurga & kenikmatannya
25. Hibah	52. Tanda-tanda Kiamat
26. Wasiat	53. Zuhud & Tawaddu'
27. Nazar	54. Tafsir

SKOP PERBINCANGAN

Kertas kerja ini cuba untuk melihat bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. ketika menyampaikan pengetahuan kepada sahabat dan umat Islam. Pengkaji telah membataskan rujukan terhadap hadis dalam kitab ini hanya merujuk kepada hadis-hadis di bawah bab solat sahaja. Bab-bab tersebut lebih dikenali dengan istilah "Ibadah Khususiah". Menurut *Ensiklopedia Untuk Anank-Anak Muslim*, ibadah khusus merupakan semua amalan dan perintah yang wajib dilaksanakan seperti yang terkandung dalam Rukun Islam seperti solat, puasa, zakat, haji, dan sebagainya (Jadual 3). Fokus juga terarah kepada pemahaman dan gambaran yang melibatkan penggunaan peralatan atau bahan yang berkaitan dengan pengajaran menunjukkan kefahaman sahabat apabila mendengar penyampaian Rasulullah s.a.w.. Analisis terhadap hadis-hadis tersebut dilakukan dengan bantuan perisian Nvivo versi 7.0. Penganalisaan dilakukan terhadap makna hadis yang diterjemahkan terlebih dahulu sebelum diproses menggunakan perisian tersebut.

Jadual 3 Pembahagian Ibadah Beserta Jenis Ibadah

IBADAH KHUSUS	IBADAH UMUM
Ibadah yang utama, ditentukan cara dan syaratnya. Hukumnya fardhu ain iaitu tiap-tiap orang wajib meyakini dan beramal dengannya. Tanpa ibadah khusus seseorang itu tidak beriman.	Ibadah umum termasuklah semua kegiatan seharian yang dilakukan setiap manusia. Jika semua perkara dapat diatur sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah, maka ia akan menjadi ibadah yang akan diberi pahala. Sebaliknya jika cuai mengatur kehidupan serta tidak mematuhi syariat, maka berdosa kita.
Jenis-jenis ibadah khusus : <ol style="list-style-type: none"> 1. Solat 2. Zakat 3. Puasa 4. Haji dan Umrah 5. Qurban dan Aqiqah 6. Taharah (bersuci) 7. Zikir 8. Doa 	Jenis-jenis ibadah umum : <ol style="list-style-type: none"> 1. Pendidikan 2. Ekonomi 3. Politik 4. Jihad 5. Muamalat (Berjual-beli) 6. Munakahat (Hukum perkahwinan menurut Islam) 7. Jenayat

DAPATAN ANALISIS

Hasil analisis menggunakan perisian Nvivo 7.0 menunjukkan terdapat dua jenis bahan bantuan yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. ketika sabdaan baginda terhadap sahabat dan masyarakat pada ketika itu. Kesemua dapatan diasingkan dan dibaikan dilakukan terhadap penggunaan istilah bahan-bahan yang digunakan bersesuaian dengan istilah masa kini. Fokus kajian ini adalah ingin melihat “Aplikasi Bahan Bantu Mengajar Rasulullah s.a.w. Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Ibadah Khususiah”. Hasil dapatan analisis kitab “Al-Lu’Lu’ wal Marjan” menjelaskan jenis bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w.. Daripada analisis tersebut, terdapat dua jenis BBM utama telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. yang terkandung dalam hadis-hadis pada bab solat. Bahan-bahan tersebut ialah bahan maujud jenis realia (sebenar) dan bahan buatan. Melalui penelitian secara terperinci juga mendapati, terdapat dua jenis BBM iaitu, bahan buatan dan bahan maujud jenis realia dari beberapa jenis iaitu haiwan, manusia, tempat dan jenis umum yang terdapat pada bab solat.

Bahan realia jenis manusia yang banyak digunakan adalah tangan seperti yang terdapat pada hadis bernombor 135, 136, 207, 217, 218, 219, 221, 241, 243, 244, 437, 438, 495, 505, 516 dan 517 dalam kitab Al-Lu’Lu’ wal Marjan. Di dalam perbincangan bab solat pada Jadual 4, Rasulullah s.a.w. menggunakan keseluruhan anggota badan sebagai penjelasan dan pemahaman kepada sahabat dan umat Islam yang bersama dengan baginda pada ketika itu. Sebagai contoh maksud hadis yang menggambarkan penggunaan anggota yang paling banyak iaitu tangan, antaranya:

"Sebenarnya cukup buatmu bila kamu melakukan begini." Nabi s.a.w. kemudian memukulkan telapak tangannya ke permukaan tanah dan mengibaskannya,

(MFAB, 16: Hadis 207)

Terdapat sebanyak 16 hadis yang menjelaskan penggunaan anggota tangan sebagai cara untuk memberi kefahaman tentang pelaksanaan perintah Allah S.W.T. mahupun perbuatan Nabi s.a.w. yang memerlukan kepada penjelasan. Penggunaan tangan di dalam hadis tersebut dilakukan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. serta gambaran daripada para sahabat baginda. Keseluruhan anggota badan dijadikan bahan bantuan untuk menjelaskan sesuatu perkara daripada rambut sehingga kaki. Penggunaan rambut (bulu) turut digunakan pada ketika Rasulullah s.a.w. menerangkan tentang permasalahan penggunaan air mutlak untuk bersuci. Rasulullah s.a.w. tidak melarang dikalangan sahabat yang berwudhu' menggunakan air yang telah bercampur den-

gan rambut baginda yang telah dicukur (MFAB, 11: Hadis 821). Hal ini menunjukkan bahawa rambut tidaklah menyebabkan air mutlak itu menjadi najis.

Jadual 4 Jadual Matrik Bahan Maujud Jenis Realia (Manusia)

Bahan Maujud	Al-Lu'lu' wal Marjan
Anak kecil	1
Badan	1
Bahu	2
Bibir	3
Bilal	2
Hidung	3
Jari	1
Jenazah	1
Kaki	9
Kening	1
Kepala	12
Ketiak	2
Leher	1
Lengan	1
Lutut	1
Muka	1
Mulut	3
Rasullullah	1
Punggung	4
Rambut	2
Siku	2
Tangan	19
Tapak tangan	8
Telinga	3
Wajah	9
Wanita	1

Bagi anggota muka iaitu dahi, Rasulullah s.a.w. ada menekankan dalam penjelasan ketika sujud. Anggota ini merupakan anggota wajib yang mesti dikenakan ketika sujud dan tidak terhalang padanya daripada rambut atau pakaian (MFAB, 5: Hadis 276). Di dalam hadis lain, Rasulullah s.a.w. mengenakan dahi ke tempat sujud dengan sempurna sehingga kening baginda turut tersentuh tempat sujud ketika solat. Para sahabat melaporkan bahawa kesempurnaan Rasulullah s.a.w. ketika sujud sehingga tersentuh kening pada tempat sujud apabila baginda membongkokkan punggungnya (MFAB, 7: Hadis 274). Pada anggota telinga pula, baginda s.a.w. memperbetulkan para sahabat tentang kedudukan antara imam dan makmum dalam solat. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. melarang makmum lelaki apabila berdua dengan imam berada di sebelah kiri. Tindakan Rasulullah s.a.w. itu menunjukkan bahawa kedudukan sebenar imam dan makmum ketika solat berjemaah dalam bilangan dua orang (MFAB, 21: Hadis 437).

Rasullullah s.a.w. turut menekankan cara berwudhu' yang betul sambil menunjukkan kepada para sahabat. Baginda s.a.w. dilaporkan telah memasukkan air ke dalam hidung setelah berkumur-kumur sebanyak tiga kali. Cara ini menunjukkan sunnah Rasulullah s.a.w. yang telah direkodkan oleh para sahabat baginda (MFAB, 5: Hadis 135). Pada anggota mulut pula, baginda menunjukkan cara bersiwak yang dilihat sendiri oleh para sahabat. Rasulullah s.a.w. menggayakan mulut dalam keadaan seolah-olah hendak muntah ketika bersiwak sambil mengeluarkan bunyi 'U' U' (MFAB, 4: Hadis 143). Pada anggota bibir pula, Rasulullah s.a.w. sentiasa menggerakkan bibirnya disebabkan baginda adalah seorang yang kuat menghafal. Melalui gerakan bibir baginda, para sahabat mengetahui bahawa baginda ini merupakan seorang yang kuat ingatannya (MFAB, 7: Hadis 258). Keseluruhannya, setiap anggota pada wajah manusia itu merupakan bahan penjelasan yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. setiap kali timbul kesulitan dalam memahami perintah agama (MFAB, 8: Hadis 136).

Pada bahagian badan manusia, anggota yang terlibat adalah bahu, jari, ketiak, leher, lengan, punggung, siku, tangan, dan tapak tangan. Pada bahagian badan anggota manusia, penggunaan tangan mencatatkan penggunaan yang tinggi iaitu 19 kali pada hadis bernombor 135, 136, 207, 217, 218, 219, 221, 241, 243, 244, 437, 438, 495, 505, 516 dan 517. Selain itu, bahu Rasulullah s.a.w. turut menjadi penjelasan khususnya dalam permasalahan menutup aurat ketika solat bagi lelaki. Rasulullah s.a.w. hanya sekadar mengenakan sehelai kain yang menutupi seluruh tubuh yang hanya diletakkan pada bahu baginda sahaja (MFAB, 4: Hadis 296). Pada anggota seterusnya, Rasulullah s.a.w. menggunakan jari untuk menjelaskan tentang cara menyucikan pakaian yang terkena najis rangan seperti darah. Kesan darah tersebut digosok dengan jari dan dialirkan air mutlak padanya sebelum menggunakan kembali pakaian tersebut untuk solat (MFAB, 4: Hadis 166).

Selain itu, anggota ketiak turut digunakan sebagai contoh keadaan tangan yang betul semasa sujud. Apa yang Rasulullah s.a.w. lakukan adalah dengan merenggangkan kedua lengannya sehingga menampakkan ketiak (MFAB, 6: Hadis 277). Kedua-dua lengan ini sebenarnya dapat membezakan cara solat lelaki dan perempuan (MFAB, 6: Hadis 277). Keadaan sujud seperti ini merupakan satu sunnah yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ketika solatnya. Adapun pada anggota leher, baginda s.a.w. dan para sahabat pernah bersolat dengan mengikta kain pada leher mereka. Hal ini kerana untuk mengingatkan para jemaah muslimat agar tidak mendahului makmum lelaki dalam setiap pergerakan solat (MFAB, 4: Hadis 252). Pada ketika berwudhu', Rasulullah s.a.w. ada menekankan penggunaan tapak tangan semasa permulaannya melalui perlakuan baginda menuangkan air di tapak tangannya. Kemudian air tersebut di ratakan untuk membersihkan kedua tangannya (MFAB, 3: Hadis 135). Anggota siku pula sebagai penjelasan kepada permasalahan wudhu' iaitu had ketika membasuh tangan. Rasulullah s.a.w. menjelaskan basuhan tangan ketika berwudhu' adalah sehingga siku (MFAB, 9: Hadis 136).

Anggota seterusnya iaitu bahagian kaki manusia yang terdiri daripada anggota lutut dan kaki sahaja. Merujuk kepada perihal sujud ketika solat, Rasulullah s.a.w. ada menekankan tentang tujuh anggota sujud antaranya ialah kedua-dua lutut (MFAB, 5: Hadis 276). Kaki manusia banyak diberi penjelasan dalam hadis khususnya dalam permasalahan wudhu' sehinggakan amaran Allah S.W.T. bagi mereka yang tiada kesempurnaan membasuh kaki ketika berwudhu' akan dimasukkan ke dalam api neraka (MFAB, 5: Hadis 140).

Seterusnya pada Jadual 5 menunjukkan bahan maujud dari jenis haiwan yang diklasifikasikan daripada analisis dapatan kajian. Bahan maujud daripada jenis haiwan terdapat sebanyak lapan iaitu, anjing, ayam, kambing, keldai, kuda, lembu, telur, dan unta. Kambing adalah haiwan yang paling banyak digunakan merujuk kepada Jadual 1.2. Bagi haiwan anjing, perumpamaan kepada haiwan ini ditunjukkan khusus untuk menjelaskan bahawa tiada apa pun yang boleh memutuskan solat seseorang apabila menghala ke kiblat walaupun dengan seekor anjing sekalipun (MFAB, 5: Hadis 290). Keldai juga turut diberi perumpamaan demikian kerana tidak mampu

untuk memutuskan solat seseorang jika melintasi orang yang sedang solat (MFAB, 6: 290). Di dalam penjelasan hadis tersebut, ada menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. sendiri pernah solat dan dihadapannya isteri baginda sedang tidur (MFAB, 5: Hadis 291).

Jadual 5 Jadual Matrik Bahan Maujud Jenis Realia (Haiwan)

Bahan Maujud	20	20	20	20	23	28	28	28	29	29	40	42	45	45	49	80	Σ
Anjing	0	1	2	6	2	2	5	6	0	1	8	9	2	3	3	7	3
Ayam	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1	-	2
Kambing	1	1	1	-	-	-	1	1	-	-	-	-	-	-	1	-	6
g																	
Keldai	-	-	-	-	-	1	-	-	1	1	1	-	-	-	-	-	4
Kuda	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Lembu	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1
Telur	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1
Unta	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	1	1	5

Perumpamaan Rasulullah s.a.w. juga terdapat pada hadis yang menegaskan tentang ganjaran bagi mereka yang pergi ke masjid pada kesempatan masa yang keempat seperti berkorban dengan seekor ayam. Hal ini bermakna ganjaran pahalanya amat sedikit berbanding pada kesempatan masa pertama (MFAB, 14: Hadis 493). Adapun bagi kambing juga diumpamakan dengan ganjaran bagi orang yang datang ke masjid untuk solat jumaat. Ganjaran seperti berkorban seekor kambing adalah untuk kesempatan masa yang ketiga (MFAB, 13: Hadis 493). Bagi kesempatan masa kedua pula, seseorang itu diperumpamakan ganjarannya dengan berkorban seekor lembu (MFAB, 12: Hadis 493). Dan kesempatan masa untuk hadir ke masjid yang keempat pula diumpamakan ganjarannya dengan berkorban sebutir telur (MFAB, 16: Hadis 493). Demikianlah perumpamaan ganjaran pahala yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada kesempatan masa hadir ke masjid untuk solat berjemaah. Selain itu dalam permasalahan solat juga, Rasulullah s.a.w. turut memberi perumpamaan untuk jarak imam dan makmum ketika solat berjemaah adalah selebar untuk laluan seekor kambing (MFAB, 4: Hadis 285).

Bagi kuda pula dapat menggambarkan bahawa kecederaan yang baginda alami semasa terjatuh ketika menunggang bukanlah penghalang untuk menguzurkan seseorang meninggalkan solat bahkan solat berjemaah (MFAB, 5: Hadis 232). Di dalam hadis Rasulullah saw, unta merupakan bahan penjelasan yang berkaitan dengan permasalahan solat. Sebagai contoh solat maghrib yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan dijamakkan bersamanya solat isyak apabila melihat orang-orang menambatkan unta untuk menunaikan solat isyak (MFAB, 16: Hadis 807).

Bagi BBM bahan maujud jenis umum pula terdapat sebanyak 12 bahan yang digunakan oleh Rasulullah saw. Hasil analisis pada **Jadual 6** menunjukkan hasilnya ialah air, api, batu, bulan, dahan kurma, gunung, kayu, lumpur, matahari, siwak, susu, dan tanah. Kesemua bahan ini dikategorikan sebagai bahan umum. Matahari merupakan bahan yang paling tinggi digunakan sebagai BBM. Hal ini kerana berkait dengan solat ketika musafir dan solat ketika berlakunya gerhana matahari. Pada ketika berlakunya gerhana matahari, para sahabat melihat Rasulullah s.a.w. tergesa-gesa melakukan solat seolah-olah akan berlakunya kiamat (MFAB, 12: Hadis 528). Peristiwa gerhana matahari turut berterusan sehingga Rasulullah s.a.w. menegaskan kepada kebanyakan orang bahawa bulan turut tidak mengalami gerhana akibat daripada kematian seseorang. Malah baginda turut memberi penegasan bahawa kedua-duanya merupakan kebesaran Allah S.W.T. (MFAB, 11: Hadis 527).

Bagi air pula adalah merujuk kepada permasalahan wudhu' dan mandi junub. Saranan Rasulullah s.a.w. jika ketiadaan air maka digantikan dengan bertayamum menggunakan debu tanah yg suci

(MFAB, 7: Hadis 207; MFAB, 6: Hadis 208). Manakala permasalahan beristinja ketika ketiadaan air adalah dengan menggunakan batu seperti mana saranan Rasulullah s.a.w. dengan bilangan yang ganjil (MFAB, 5: Hadis 137). Pernah juga pada suatu ketika Rasulullah s.a.w. beristinja dengan menggunakan kayu (tongkat) kerana dikhuatiri air yang ada tidak mencukupi untuk beristinja (MFAB, 5: Hadis 153). Adapun permasalahan darurat dalam melakukan solat jumaat membolehkan orang solat di rumah kerana hujan lebat menyusahkan seseorang untuk keluar rumah menunaikan solat berjemaah di masjid / surau. Hujan lebat itu merupakan halangan sehingga seseorang itu melihat tanah dan lumpur untuk berjalan sebagai tanda hujan berhenti (MFAB, 18: Hadis 405). Bagi penggunaan api pula, penjelasannya digunakan ketika permasalahan azan untuk memaklumkan masuknya waktu solat. Ada yang memberi cadangan agar dinyalakan api untuk memaklumkan waktu solat kepada kebanyakan orang yang telah masuk Islam pada ketika itu (MFAB, 5: Hadis 214). Namun Rasulullah s.a.w. memerintahkan Bilal untuk melaungkan seruan azan sebagai tanda masuk waktu solat. Bagi penentuan arah kiblat semasa pembinaan masjid, Rasulullah s.a.w. berpandukan kepada gunung kerana kedudukan kaabah selari dengan gunung yang dihadapnya itu (MFAB, 17: Hadis 793).

Jadual 6 Jadual Matrik Bahan Maujud Jenis Realia (Umum)

Bahan Maujud	137	143	144	153	164	167	203	207	208	214	235	238	239	262	405	410	437	521	522	523	526	527	528	530	793	M
Matahari	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	2	-	1	1	1	1	1	1	1	-	1
Tanah	-	-	-	-	-	-	-	2	2	-	-	1	1	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	7
Air	-	-	-	-	1	-	-	2	1	-	1	-	-	-	1	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	7
Siwak	-	1	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2
Api	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Batu	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Bulan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1
Dahan kurma	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Gunung	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1
Kayu	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Lumpur	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Susu	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1

Bagi penggunaan dahan kurma, Rasulullah s.a.w. menjadikannya sebagai tanda di kuburan. Penggunaan bahan ini sebagai jaminan daripada Rasulullah s.a.w. agar Allah S.W.T. mengurangkan seksaan si mati (MFAB, 8: Hadis 167). Penggunaan siwak oleh Rasulullah s.a.w. juga menjelaskan bahawa kelengkapan wudhu' itu terhasil apabila seseorang itu bersuci dengan membersihkan mulutnya dengan kayu siwak (MFAB, 3: Hadis 143). Hal ini juga boleh dilakukan apabila seseorang itu meminum minuman dari jenis susu seperti mana tindakan Rasulullah saw. Baginda berkumur-kumur selepas meminum susu kerana ianya mengandungi lemak (MFAB, 4: Hadis 203).

Selain penggunaan bahan maujud, Rasulullah s.a.w. turut menggunakan bahan buatan melalui analisis dapatan kajian. Jadual 7 menunjukkan senarai bahan buatan jenis pakaian yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam penjelasan masalah yang berlaku dikalangan para sahabat.

Bahan pakaian yang tinggi digunakan ialah pakaian secara umum dimana Rasulullah s.a.w. menegaskan bahawa pakaian yang digunakan untuk solat mestilah suci daripada segala hadas (MFAB, 6: Hadis 164). Pakaian jenis kain pula digunakan khususnya di dalam solat kerana baginda pernah bersolat dengan mengenakan satu pakaian yang diletakkan pada bahunya sahaja (MFAB, 4: Hadis 296). Hal ini menjelaskan bahawa tidak kira jenis pakaian ketika solat asalkan

menutupi aurat. Kebiasaan pakaian yang dikenakan oleh Rasulullah s.a.w. ketika solat adalah jubah. Pernah juga baginda mengenakan jubah yang diperbuat dari negeri Syam (MFAB, 7: Hadis 158).

Jadual 7 Jadual Matrik Bahan Buatan Jenis Pakaian

Pakaian	15	15	15	16	16	16	19	19	20	25	27	28	29	29	29	29	29	50	51	51	73	Σ
Pakaian	5	7	8	4	5	6	3	5	6	2	6	1	3	4	5	6	7	6	1	5	8	1
Pakaian	0	0	0	1	2	2	1	1	0	0	1	1	1	0	0	0	1	0	0	0	0	1
Kain	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	2	1	1	1	0	0	0	6
Sepatu	1	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3
Kalung	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2
Baju	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	2
Jilbab	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1
Selenda	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
ng																						
Jubah	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Sandal	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1

Timbul juga permasalahan mengenakan satu pakaian sehingga Rasulullah s.a.w. menegaskan agar melakukan solat dengan satu baju kerana kebanyakan sahabat tidak mempunyai lebih daripada satu baju (MFAB, 6: Hadis 294). Bagi wanita pula, Rasulullah s.a.w. menyarankan agar penggunaan jilbab untuk melakukan solat sebagai pakaian asas sehingga seseorang itu perlu memberi pinjam kepada teman mereka jika tidak memilikinya. Maka kemestian penggunaan jilbab untuk solat adalah tuntutan bagi golongan wanita (MFAB, 15: Hadis 511). Permasalahan sepatu pula dikaitkan dengan wudhu' ketika solat dan menyapu khuf khususnya daripada jenis sepatu yang sukar ditanggalkan. Rasulullah s.a.w. menunjukkan bahawa ianya bukan satu masalah besar kerana baginda sendiri hanya menyapu khuf baginda dengan isyarat membasuh kaki ketika berwudhu' lalu melakukan solat (MFAB, 7: Hadis 157). Berlainan pula dengan penggunaan sandal yang diperbuat daripada kulit. Ketika berwudhu' mestilah membasuh kaki dan bukan sekadar menyapu sandal kulit tersebut (MFAB, 14: Hadis 738).

Permasalahan wudhu' juga terjadi dalam musafir baginda, Aisyah r.a. dan Abu Bakar r.a. dan pada ketika itu Aisyah r.a. kehilangan kalungnya. Pada ketika itu juga baginda dan rombongan ketiadaan air untuk menunaikan solat maka turunlah ayat daripada Allah S.W.T. untuk melakukan tayammum (MFAB, 6: Hadis 206).

Jadual 8 pula merupakan bahan buatan dari jenis binaan seperti masjid, tiang, tabir, dinding, kaabah, mimbar, tembok, khemah, dan tebing. Masjid merupakan binaan yang tertinggi digunakan dengan penggunaan sebanyak 10 kali. Penggunaan masjid banyak ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. pada permasalahan solat dan tempat ini yang paling afdhal untuk dilakukan solat. Hal ini kerana ganjarannya adalah tinggi berbanding tempat-tempat lain (MFAB, 11: Hadis 881). Sering berlaku juga di masjid-masjid tentang orang yang melakukan solat menghadap tiang. Hal ini kerana untuk mengelak daripada orang melintas dihadapan ketika solat (MFAB, 7: Hadis 287). Akan tetapi solat berhampiran dengan tiang bukan bermakna boleh bersandar pada tiang kerana Rasulullah s.a.w. menyarankan agar solat duduk jika terasa letih (MFAB, 18: Hadis 448).

Penggunaan tabir pula adalah sebagai hijab antara lelaki dan perempuan ketika berbicara seperti yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ketika berbicara dengan Ummi Hani' (MFAB, 6: Hadis 193). Tabir tersebut sebagai bahan mengelak daripada fitnah. Permasalahan pembatas ini juga digunakan dengan bahan seperti dinding yang berlaku dalam permasalahan solat. Pembatas yang dimaksudkan ialah dinding yang merupakan jarak antara imam dan makmum ketika solat (MFAB, 4: Hadis 285).

Kaabah merupakan binaan yang dijadikan kiblat umat Islam dan terletak di Makkah al-Mukarramah. Binaan kaabah adalah tempat untuk bertawaf di mana Rasulullah s.a.w. pernah dilaporkan mengelilingi kaabah sebanyak tujuh kali sebagai tawaf (MFAB, 16: Hadis 774). Merujuk kepada penggunaan mimbar pula, pelaksanaannya bertujuan untuk khatib berkhotbah untuk orang ramai agar para jemaah memberikan perhatian tentang apa yang ingin disampaikan (MFAB, 19: Hadis 510).

Penggunaan binaan tembok pula sebagai pelindung untuk membuang air kecil sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. yang membuang air kecil di sebalik tembok di kawasan pembuangan sampah (MFAB, 4: Hadis 156). Bagi khemah pula mstilah di samak terlebih dahulu jika diperbuat daripada kulit. Hali ni kerana perbuatan Rasulullah s.a.w. yang menyamak terlebih dahulu kulit sebelum dijadikan tempat berlindung (MFAB, 4: Hadis 281).

Jadual 8 Jadual Matrik Bahan Buatan Jenis Binaan

Binaan	156	193	209	240	241	261	282	285	286	287	414	436	448	451	479	510	517	521	528	774	792	793	838	839	861	882	883	4
Masjid	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	2	0	1	0	0	0	1	1	0	1	0	0	0	1	1	1	1
Tiang	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	5
Tabir	0	1	0	2	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5
Dinding	0	0	1	0	0	0	1	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	4
g Kaabah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1	0	1	0	0	0	3	
Mimbar	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	
r Tembok	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	
Khemah	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	
h Tebing	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	1	

Jadual 9 di bawah pula merupakan hasil dapatan analisis bahan buatan jenis peralatan umum. Terdapat 11 bahan yang digunakan dan yang paling tinggi adalah bejana dengan 8 kali penggunaan. Bejana banyak digunakan oleh Rasulullah s.a.w. ketika mengambil wudhu'. Penggunaan bejana ini mengurangkan pembaziran ketika berwudhu' seperti yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. (MFAB, 3: Hadis 136). Pada bab tempat solat, Rasulullah s.a.w. melakukan solat di atas tikar yang menjadi alas untuk solat seperti solat malam yang selalu baginda lakukan (MFAB, 5: Hadis 293). Bahan tombak juga penting untuk digunakan khususnya pada permasalahan solat. Tombak digunakan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai pemisah laluan daripada orang yang sedang bersolat dengan menancapkannya di tanah pada bahagian hadapan (MFAB, 9: Hadis 281). Penggunaan tali ketika bersolat adalah sangat di larangan oleh Rasulullah s.a.w. seperti yang dilakukan oleh Zainab. Larangan ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. menganjurkan rukhsah sekiranya terdapat keberatan padanya (MFAB, 16: Hadis 448).

Bahan terompet turut digunakan dalam penyelesaian masalah azan ketika masuk solat. Penggunaan bahan ini merupakan satu cadangan apabila terdapat permasalahan bagaimana hendak memberitahu orang Islam tentang masuk waktu solat. Namun ia menjadi bantahan kerana menyerupai kaum yahudi (MFAB, 7: Hadis 213). Cadangan seterusnya adalah dengan menggunakan loceng namun ditolak juga kerana menyerupai kaum nasrani (MFAB, 6: Hadis 213). Dalam bab bacaan ketika solat, Rasulullah s.a.w. menyarankan agar memperdengarkan bacaan yang kuat dan merdu seperti seruling yang bersifat merdu apabila di dengar (MFAB, 12: Hadis 456). Penggunaan pisau oleh Rasulullah s.a.w. adalah ketika baginda sedang menikmati daging peha kambing. Namun apabila mendengar seruan azan, baginda lantas meninggalkan segalanya dan bergegas menunaikan solat (MFAB, 6: Hadis 201).

Penggunaan lampu penerang sangat popular pada zaman Rasulullah s.a.w. dan apabila ketiadaannya, berlaku perkara di mana Rasulullah s.a.w. solat di ruang yang sempit sehingga

menyentuh Aisyah r.a. yang sedang tidur (MFAB, 8: Hadis 292). Digambarkan oleh para sahabat bahawa wajah Rasulullah s.a.w. pucat seperti kertas semasa di akhir-akhir kewafatan baginda s.a.w. (MFAB, 9: Hadis 240). Dan yang terakhir adalah penggunaan bantal ketika tidur. Rasulullah s.a.w. menggunakan satu bantal untuk tiga orang kerana ingin bangun malam melaksanakan solat sunat (MFAB, 15: Hadis 438).

Jadual 9 Jadual Matrik Bahan Buatan Jenis Peralatan Umum

Peralatan Umum	135	136	153	154	157	158	160	201	213	214	235	240	278	281	289	290	291	292	293	437	438	447	448	456	T
Bejana	1	1	1	1	1	1	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	8
Tikar	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	3	0	1	0	0	1	0	0	7
Tombak	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	4
Tali	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	2	0	3
Terompet	0	0	0	0	0	1	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2
Loceng	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2
Seruling	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Pisau	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Lampu penerang	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	1
Kertas	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Bantal	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	1

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan analisis menunjukkan dua jenis utama BBM Rasulullah s.a.w. pada kedua-dua bab solat. Dua jenis BBM tersebut ialah bahan realia dan bahan buatan yang masing-masing dikelaskan kepada beberapa jenis yang lain. Pada bab solat ini, bahan realia dikelaskan kepada jenis manusia, haiwan, dan umum. Manakala bahan buatan dikelaskan kepada pakaian, binaan, dan peralatan umum. Analisis hadis pada bab ini menunjukkan Rasulullah s.a.w. gemar menggunakan bahan realia dalam penjelasan dan penerangan kepada sesuatu masalah. Dalam hal ini, bahan sebenar atau realia dijumpai banyak digunakan bab solat dalam situasi dan keadaan yang berbeza. Merujuk kepada bab solat dalam kitab ini, penggunaan bahan realia adalah terdiri daripada 48 jenis bahan seperti yang terdapat pada **Jadual 4** (J4) hingga **Jadual 5** (J5).


Tangan menjadi bahan realia yang sering digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam menjelaskan permasalahan solat. Penggunaan tangan sebagai bahan maujud menjelaskan kepada umat Islam pada ketika itu tentang hal-hal yang berkaitan dengan solat seperti wudhu' dan tayammum yang banyak menyatakan penggunaan tangan. Rasulullah s.a.w. sendiri yang elakukan tunjuk cara melakukan perkara yang kurang difahami oleh umat Islam kerana masih baru menerima perintah melakukan solat. Bahan kedua yang tertinggi penggunaannya adalah kepala kerana pengklasifikasian kebanyakan bahan-bahan realia terletak di bahagian kepala manusia seperti mata, rambut, hidung, telinga, dahi, dan sebagainya. Turut mencatatkan penggunaan yang tinggi juga iaitu kaki dan wajah dengan sebanyak sembilan penggunaan. Penggunaan kaki dan wajah terdapat pada kebanyakan hadis yang berkaitan dengan permasalahan wudhu'. Hal ini kerana kedua-duanya merupakan di antara beberapa rukun wudhu' ketika solat.

Selain itu, bahan realia jenis kambing juga mencatatkan penggunaan tertinggi dalam jenis haiwan iaitu sebanyak enam kali penggunaan. Penggunaan kambing adalah disusuli oleh unta ia merujuk kepada perumpamaan hal-hal yang berkaitan dengan solat. Perumpamaan seperti ini adalah sebagai ganjaran kepada mereka yang melaksanakan perintah solat dengan sebaiknya. Bagi penggunaan bahan realia jenis umum pada **Jadual 6** (J6), Rasulullah s.a.w. sering merujuk kepada penggunaan matahari. Hal ini kerana masyarakat umum menyangka terjadinya gerhana matahari di disebabkan kematian Ibrahim. Maka untuk menafikan tanggapan masyarakat

itu, Rasulullah s.a.w. menyatakan melalui khutbah selepas solat gerhana. Dapatan kedua tertinggi dalam bahan jenis umum ini ialah tanah dan air sebanyak 7 kali penggunaan. Kedua-dua bahan ini sering digunakan khususnya dalam bab wudhu' dan di antara keduanya saling berkaitan. Dalam bab wudhu', air digunakan sebagai bahan utama. Namun ketiadaan air menyebabkan perlunya bertayamum dengan menggunakan debu tanah yang suci.

Pada penggunaan bahan buatan pula dikategorikan kepada tiga jenis iaitu pakaian pada Jadual 7 (J7), binaan pada Jadual 8 (J8), dan peralatan umum pada Jadual 9 (J9). Terdapat sebanyak sembilan jenis pakaian, sembilan jenis binaan, dan 11 jenis peralatan umum. Jenis-jenis pakaian yang digunakan ialah baju, jilbab, jubah, kain, kalung, pakaian, sandal, selendang, dan sepatu. Bahan yang tertinggi iaitu pakaian kerana menyentuh aspek bab menutup aurat ketika solat dan tahap kesucian pakaian untuk solat. Manakala kain juga mencatat penggunaan kedua tertinggi iaitu sebanyak enam kali kerana timbul persoalan tentang kuantiti penggunaan kain ketika solat. Bahan jenis binaan pula mencatatkan masjid sebagai bahan yang tertinggi dengan sepuluh kali penggunaan. Hal ini kerana kebanyakan masa Rasulullah s.a.w. dan sahabat adalah di masjid. Manakala penggunaan bahan kedua tertinggi ialah tiang dan tabir sebanyak lima kali. Penggunaan tabir dan tiang adalah sebagai pelindung dan pemisah dalam pelbagai perkara. Seterusnya penggunaan peralatan umum adalah sebanyak 11 jenis dan bahan yang tertinggi adalah bejana sebanyak lapan kali penggunaan. Penggunaan bahan ini adalah merujuk kepada cara Rasulullah s.a.w. berwudhu' dan berhadass dalam keadaan air yang mencukupi dan tidak membazir. Dan yang terakhir adalah penggunaan tikar merupakan kedua tertinggi sebanyak tujuh kali. Segala dapatan data yang diperolehi dapat dilihat secara keseluruhannya pada Rajah 1 dan Rajah 2 di bawah:

Rajah 1 Senarai bahan maujud yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam kitab solat



Rajah 2 Senarai bahan buatan yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam kitab solat

Melalui penggunaan bahan maujud dan bahan buatan ini, umat Islam pada ketika itu dapat memberi gambaran dan membentuk persepsi terhadap permasalahan yang berkaitan dengan solat. Menurut Sufean (et al., 2005), bahan maujud dapat membantu merealisasikan proses pembelajaran secara berkesan disebabkan sifatnya yang mudah digunakan, merangsang pemikiran, interaktif, mudah diubahsuai dan digunakan kembali, dan sebagainya. Jelas pada ketika zaman Rasulullah s.a.w., baginda yang diiktiraf sebagai model pendidik mempelbagaikan cara penyampaiannya dengan memanfaatkan bahan di dalam keterhadan kemudahan pada ketika itu. Secara tidak langsung, bahan pengajaran jenis bahan maujud menjadi keutamaan kerana setiap kata-kata

Rasulullah s.a.w. itu semestinya disandarkan kepada sesuatu objek atau gambaran sebenar. Hal ini turut dinyatakan oleh Kamaruddin (1986) bahawa fungsi bahan pengajaran adalah untuk membantu setiap penyampaian menjadi sesuatu yang berguna dan berpengetahuan. Beliau turut menjelaskan dengan penggunaan bahan pengajaran, kepelbagaian penyampaian dapat dilakukan merujuk kepada situasi Rasulullah s.a.w. melalui analisis hadis tersebut. Kepelbagaian yang dicerminkan oleh baginda dirujuk kepada Jadual 4, Jadual 5, Jadual 6, Jadual 7, Jadual 8, dan Jadual 9. Jenis-jenis bahan maujud ini menggambarkan ianya mempunyai sifat interaktif yang tinggi berdasarkan kepada kenyataan Sufean (et al., 2005) bahawa ciri-ciri bahan pengajaran mestilah bersifat (i) mudah digunakan, (ii) interaktif, dan (iii) merangsang pemikiran.

KESIMPULAN

Daripada analisis dan perbincangan kajian dapatlah disimpulkan bahawa sumber dan pengajaran Rasulullah s.a.w. adalah berasaskan kepada bahan maujud atau dengan perkataan lain iaitu bahan sebenar atau bahan realia serta bahan buatan sebagai sampingan. Dapatan analisis juga menggambarkan bahawa bahan maujud itu terdiri daripada berbagai-bagai jenis yang berkaitan dengan apa yang ingin disampaikan dan disifatkan dapat memberi kefahaman serta penjelasan. Hakikatnya, kepelbagaian dan interaktifnya bahan maujud itu dapat dijelmakan sekiranya seseorang itu bersifat kreatif dan mempunyai idea dan pengalaman luas yang ingin dikongsikan kepada pelajar mereka. Hal ini merujuk kepada apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dalam mempelbagaikan keterhadan bahan pengajaran dan penyampaian. Keseluruhan bahan maujud yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. adalah berkaitan dengan apa yang ada pada persekitaran baginda. Dalam konteks pendidikan hari ini, alat pandang-dengar (audiovisual) dapat dikaitkan dengan ciri-ciri penyampaian dan pendidikan Rasulullah s.a.w.. Hal ini kerana konsep alat pandang-dengar adalah bertujuan memperkayakan pengetahuan, pemahaman, memperkenalkan, serta membangun pendidikan yang berkonsepkan abstrak. Melalui penggunaan audiovisual pada awal kemajuan dalam bidang pendidikan, sedikit kemajuan telah dialami dalam meningkatkan sistem pendidikan. Setelah perubahan demi perubahan berlaku, konteks pendidikan pada hari ini adalah merujuk kepada penggunaan multimedia. Hal ini kerana ciri-ciri multimedia adalah gabungan di antara elemen teks, grafik, animasi, bunyi, dan video (Baharuddin, et al. 2002). Maka penjelmaan ciri-ciri pendidikan dan penyampaian Rasulullah s.a.w. dapat dilakukan dengan penggunaan multimedia dibantu oleh kecanggihan teknologi yang ada pada masa kini.

PENGAKUAN

Kertas kerja ini adalah dibiayai oleh Zamalah/Biasiswa Institusi di bawah tanggungan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT).

The work is financed by Zamalah/Institutional Scholarship provided by Universiti Teknologi Malaysia and the Ministry of Higher Education of Malaysia.

RUJUKAN

- _____ (2007). *Ilmu Dan Aplikasi Pendidikan*. PT Imperial Bakhti Utama. Halaman 182.
- Baharuddin Aris, Rio Sumarni, Manimegalai Subramaniam (2002). *Reka Bentuk Perisian Multimedia*. Johor: Penerbit UTM. Halaman 8.
- Biodata Muhammad Fuad Abdul Baqi*. http://en.wikipedia.org/wiki/Muhammad_Fuad_Abdul_Baqi (29 November 2011).
- Farrant, J.S. (1977). *Prinsip Dan Amali Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Halaman: 133
- Ibadah*. <http://ms.wikipedia.org/wiki/Ibadah> (15 November 2011).

- Melvi Yendra dan Mira Rainayati (eds) (2007). *Al-Mausu'ah Lil Athfal Al-Muslimin: Ensiklopedia Untuk Anak-Anak Muslim*. Bandung: Pustaka Oasis. Halaman: 21.
- Muhammad Fu'ad Abdul Baqi (2009). *Al-Lu'Lu' wal Marjan Fiima Ittafaqa 'Alaihi Al-Syaikhan*. Jilid: 3.
- Perisian Kitab 9 Imam. Dihasilkan oleh Lidwa Pusaka i-Software.
- Rohani Abdullah, Nani Menon, dan Mohd Sharani Ahmad (t.th.). *Panduan Kurikulum Prasekolah*. PTS Publication Sdn. Bhd. Halaman: 190.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, dan Mohd Zohir Ahmad (2007). *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. PTS Profesional. Halaman 171.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1984). *Teknologi Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Halaman:
- Sufean Hussin, Shahril@Charil Marzuki, Ahmad Zabidi Abdul Razak, Habib Md. Som, dan Alina Rane (2005). *Pentadbiran Dalam Pembangunan Pendidikan*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. Halaman 26.